

**MAKLUMBALAS ADUAN MEDIA: UiTM SRI ISKANDAR PERAK DIHARAP SEDIAKAN VAN  
UNTUK PELAJAR, AKHBAR UTUSAN MALAYSIA 15 JULAI 2014  
RUANGAN SMS MMS ANDA M/S 26**

Terlebih dahulu pihak Pengurusan UiTM mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengadu '019-926XXXX' yang menyentuh berkaitan perkara di atas dalam Ruangan Aduan Utusan Malaysia

Dimaklumkan bahawa, sebelum isu ini diadukan kepada media, Rektor UiTM Perak telah mengadakan 4 sesi pertemuan bersama siswa siswi UiTM (Perak) iaitu pada tarikh 3,8,9, dan 10 Julai 2014. Dalam semua sesi tersebut isu ini telah diperjelaskan kepada siswa siswi. Rektor menjelaskan bahawa perkhidmatan bas kampus UiTM (Perak), Kampus Seri Iskandar adalah disediakan oleh pengusaha bas luar dari syarikat En. Ahmad bin Hamid.

Waktu operasi perkhidmatan bas kampus ini pula bermula dari jam 7.15 pagi sehingga 10 malam. Perkhidmatan ini dikenakan Bayaran RM1.00 untuk sekali perjalanan. Sebelum ini, Pengusaha bas telah menambahkan bilangan bas yang sedia ada daripada 2 buah bas kepada 3 buah pada waktu puncak selepas jam 5.15 petang. Tetapi beliau enggan untuk menambah jumlah bas lagi (apabila disyorkan oleh pihak pengurusan UiTM Perak) kerana menurutnya dia akan mengalami kerugian apabila bas tidak beroperasi di waktu siswa siswi bercuti semester.

Selain itu, bagi memudahkan lagi pergerakan siswa siswi keluar kampus, pihak pengurusan juga telah membenarkan perkhidmatan teksi beroperasi di dalam kampus malah perkhidmatan teksi ini boleh ditempah dengan hanya melalui panggilan telefon.

Untuk pengetahuan tuan, pihak pengurusan juga telah mengwar-warkan supaya siswa siswi dapat menunggang basikal bagi tujuan ke pusat Bandar kerana kedudukan pusat Bandar yang kurang daripada satu kilometer dari kampus. Pihak pengurusan juga telah mengambil inisiatif menyediakan beberapa kawasan parkir basikal di dalam kampus demi memberi kemudahan kepada siswa siswi.

Pada pendapat pihak pengurusan adalah tidak perlu untuk mengadakan kemudahan van pula di dalam kampus memandangkan kemudahan sedia ada mencukupi untuk siswa siswi apabila mereka mahu keluar kampus.

Semoga penjelasan ini dapat menjawab persoalan yang telah diajukan oleh pihak pengadu.

Sekian, terima kasih.

**Jabatan Komunikasi Korporat  
Universiti Teknologi MARA**